# LOGO

**Latar Belakang Putih**
Melambangkan kepentingan kebersihan, keikhlasan dan kesungguhan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan tugas.

**Sentuhan di Hati**
Melambangkan kelembutan, kemesraan dan keprihatinan semasa menjalankan tugas.

**Hati Berwarna Merah**
Melambangkan semangat dan komitmen anggota Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

**Tangan**
Melambangkan keikhlasan dan kesediaan untuk membantu.

**Nilai-nilai Teras**
Menonjolkan prinsip-prinsip yang dipegang semasa menjalankan tugas.

## MOTO

## Kami Sedia Membantu

**Kami** - Semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat yang sama.

**Sedia** - Sentiasa bersiap sedia untuk memberi perkhidmatan secara profesional.

**Membantu** - Ikhlas semasa memberi bantuan dan menjalankan tugas.

## NILAI-NILAI TERAS

### Penyayang

**Kami komited** untuk menerima pelanggan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian. Kami bersedia memberi layanan dengan bersopan santun, responsif dan menghormati hak individu. Kami bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan.

### Profesionalisme

**Kami komited** untuk memberi perkhidmatan yang terbaik merangkumi etika dan taraf kerja yang dikehendaki serta prinsip anggota yang bertanggungjawab. Kami percaya dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat.

### Kerja Berpasukan

**Kami komited** untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan harmoni bagi mencapai matlamat yang sama.

# JANJI KAMI

## Kami Sedia Membantu

**Kami Komited terhadap keperluan anda**
Memastikan perkhidmatan yang adil, mesra, rasa hormat dan prihatin.

**Kami melaksanakan apa yang dirancang**
Menjanjikan anda tahap profesionalisme yang tertinggi dalam segala urusan penyampaian perkhidmatan.

**Kami berdedikasi terhadap tugas**
Bekerjasama untuk mengukuhkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan.

# KOMITMEN KAMI

**Kami komited** memberikan perkhidmatan kepada setiap pesakit dengan penuh rasa kemesraan, kejujuran dan keikhlasan.

**Kami komited** memberikan perkhidmatan yang efektif dengan bersikap profesional, tekun, mudah didekati dan bersopan santun.

**Kami komited** bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa efisien, efektif dan produktif.

## IKRAR BUDAYA KORPORAT KKM

**Bahawasanya kami, WARGA KERJA KKM, berikrar:**

- Memberi perkhidmatan yang terbaik, mesra dan profesional;
- Memberi layanan secara saksama tanpa mengira pangkat, bangsa dan agama;
- Bekerja sebagai satu pasukan yang efisien, efektif dan produktif;
- Sedia membantu dengan ikhlas dan bertanggungjawab; serta
- Komited untuk mencapai matlamat Kementerian.